KERATAN AKHBAR
NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)
TARIKH: 05 FEBRUARI 2018 **MUKA SURAT: 26**

Tukar pegawai, kakitangan PBT

KUALA LUMPUR 4 Feb. - Pegawai dan kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang didapati gagal menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan perlu ditukarkan bagi memastikan permasalahan di kawasan mereka termasuk iklan haram ah long dapat diselesaikan segera.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), **Datuk Dr. Jacob George** berkata, sudah lebih 10 tahun masalah iklan haram ah long dan seumpamanya gagal diselesaikan oleh sebahagian besar PBT di negara ini, justeru pegawai dan anggota seharusnya digantikan yang boleh menjalankan tanggungjawab dengan amanah.

Menurut beliau, semua pekerja di PBT adalah kakitangan kerajaan yang boleh ditukarkan dan terbukti mereka gagal menjalankan tugas dengan berkesan, maka sudah sampai masanya mereka ditukarkan.

"Jika mereka (PBT) gagal membersihkan 'rumah' sendiri hingga berpuluh tahun, maknanya kita perlukan orang lain untuk datang dan bersihkan agar rumah itu dapat didiami dengan harmoni dan selesa.

"Peranan kerajaan Pusat juga perlu dimainkan dengan menghantar ejen melalui agensi atau kementerian bagi memberi satu peringatan kepada PBT lain untuk bangun menjalankan tanggungjawab mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas tulisan *Awang Selamat* dalam *Mingguan Malaysia* hari ini yang menyatakan kegagalan PBT menangani masalah iklan haram ah long seolah-olah memperlihatkan ah long lebih berpengaruh dan berkuasa berbanding PBT.



IKLAN AH LONG

SELAGI pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak bertindak tegas secara konsisten ke atas iklan haram ah long yang berleluasa, selagi itulah isu tersebut tiada kesudahannya.

Sebagai pengamal media dan rakyat Malaysia, Awang ...at terganggu dengan kegagalan PBT menangani ...alah tersebut seolah-olah ah long lebih berpengaruh ...an berkuasa berbanding PBT.

Dalam ruangan ini, sudah kerap kali dibangkitkan mengenainya sebagaimana sekian banyak laporan media namun bagai mencurah air di daun keladi.

Apakah PBT sudah disogok atau masih tidur lena - melainkan ...hairah bila mahu mengutip cukai serta bayaran parkir?

Bukannya susah untuk mengesan ah long-ah long atau ceti haram yang menampal iklan haram berdasarkan nombor te... yang tertera. Isunya adalah malas, kurang berkesan dan jika bertindak pun, hanya hangat tahi ayam.

Akibatnya bukan saja persekitaran kita kelihatan kotor malah menjejaskan imej Malaysia di kaca mata pelancong, ekspatriat dan diplomat.

Terbaru Presiden Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) Tan Kok Liang terpaksa merayu PBT bertindak kerana khuatir pelancong takut dengan persekitaran yang mereka lihat iaitu iklan ah long di merata-rata tempat.

Awang setuju kerana ia boleh membawa gambaran ...olah-olah Malaysia menghadapi masalah ah long dan ...diket ceti haram yang serius. Pernah Awang terbaca ...alam komen Facebook yang antara lain secara sinikal ...enyatakan Kuala Lumpur dan sekitarnya bagaikan ...miliki oleh sindiket ah long.

Persoal... apakah PBT su... ...atau masih tidur lena ... ...hairah ... ...gutip cukai ser...

KERATAN *Mingguan Malaysia* semalam.

JACOB GEORGE

AZWANDDIN HAMZAH

Sementara itu Presiden Jaringan Melayu Malaysia (JMM), **Datuk Azwanddin Hamzah** berkata, selama ini PBT menyatakan masalah itu bukan di bawah bidang kuasa mereka, namun pada masa sama, gagal untuk membuat sebarang laporan mengenai perkara tersebut.

Menurutnya, sikap itu seolah-olah membiarkan maruah PBT 'diconteng' dengan iklan haram dan terdapat kemungkinan masalah tersebut berpunca daripada 'orang dalam' mereka sendiri.

"Salah satu langkah yang boleh diambil ialah pengurusan tertinggi PBT tidak boleh berkhidmat melebihi dua tahun dalam satu-satu kawasan," jelasnya.